

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 JULY 2017

Najib terima kunjungan hormat TPM Vietnam

BH - 14/7/2017 Pg. 2

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menerima kunjungan hormat Timbalan Perdana Menteri Vietnam, Truong Hoa Binh di pejabat beliau di sini, semalam.

Majlis itu yang bermula pada 11 pagi, berlangsung kira-kira 15 minit, dengan kedua-dua pemimpin berbincang pelbagai isu.

Malaysia dan Vietnam menjalin hubungan dan kerjasama dua hala sejak 44 tahun lalu dalam pelbagai bidang, termasuk perdagangan.

Tahun lalu, nilai perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Vietnam berjumlah kira-kira

AS\$10.3 bilion.

Tingkat perdagangan

Susulan pemeteraian perjanjian Perkongsian Strategik Malaysia-Vietnam pada 2015, kedua-dua negara bersetuju untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan dua hala kepada AS\$15 bilion menjelang 2020.

Truong tiba di sini Selasa lalu untuk melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia. Ini adalah lawatan rasmi pertama beliau ke negara ini sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 9 April tahun lalu.

BERNAMA



Najib bersalaman dengan Truong ketika menerima kunjungan hormat pemimpin Vietnam berkenaan di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.